

06/12/2001

KL setaraf Paris cabaran besar Mohmad Shaid

Munaarfah Abu Bakar

PUTRAJAYA, Rabu - Kolonel Datuk Mohmad Shaid Mohd Taufek menganggap harapan menjadikan Kuala Lumpur seindah kota Paris sebagai antara cabaran yang perlu dihadapinya apabila menduduki kerusi Datuk Bandar Kuala Lumpur mulai 14 Disember ini.

Sambil berterima kasih kepada kerajaan kerana memberi kepercayaan kepadanya bagi menjawat jawatan itu, beliau berkata, tanggungjawab yang bakal dipikulnya nanti bukan sesuatu yang mudah.

"Saya akan cuba memenuhi keyakinan yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi melaksanakan tanggungjawab ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, hari ini.

Pelantikannya diumumkan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Samsudin Osman semalam selepas mendapat perkenan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin.

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) itu dilantik bagi menggantikan Tan Sri Kamaruzaman Shariff bagi tempoh dua tahun.

Mohmad Shaid pernah menyandang beberapa jawatan dalam perkhidmatan awam sebelum ini seperti Timbalan Pengurus Besar Kejora; Timbalan Pengarah 11, Bahagian Perjawatan Jabatan Perkhidmatan Awam; Pengarah Bahagian Inspektorat Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan, sebelum menjawat jawatan sekarang pada 16 Mei 1999.

Sambil menyifatkan pelantikan itu sebagai satu 'kejutan manis', beliau turut berterima kasih kepada KSN dan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri kerana memberi sokongan terhadapnya.

Katanya, beliau terkejut kerana tidak pernah menyangka akan dilantik jawatan itu berjanji akan terus memberi berkhidmat dan menjalankan tugas sebaik mungkin kepada semua warga Kuala Lumpur.

Mengenai perubahan yang bakal dibuat terhadap struktur organisasi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), beliau berkata, masih terlalu awal baginya untuk membuat sebarang kenyataan.

"Seperti orang masuk hutan, kita mesti ada kompas, peta dan destinasi ke mana kita mahu pergi. Begitulah juga dengan tugas dan tanggungjawab ini, biar saya umumkan apabila tiba masanya nanti," katanya.

Ditanya mengenai cabarannya yang perlu disahut dalam menjalankan tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur, Mohmad Shaid berkata, cabaran itu termasuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya indah bertaraf kotaraya Paris, seperti diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Pandekar Amin Mulia, baru-baru ini.

"Apa yang lebih penting, DBKL dapat memenuhi pengharapan warga kota iaitu mereka dapat menjalankan kehidupan yang lebih bermakna dalam keadaan aman damai; kemudahan yang selesa serta persekitaran yang bersih dan selamat," katanya.

Mengenai pandangannya mengenai beberapa cabaran DBKL bagi menyediakan kehidupan selesa kepada warga ibu kota, katanya, masalah banjir dan setingan perlu diberi perhatian serius.

(END)